



→ PENGANGKUTAN

Plat nombor 'V' raih hasil bidaan RM22j

BH
419116
mls 9



Ab Aziz (kiri) melakukan tabik hormat sebagai gimik penutupan Kembara Merdeka Parlimen Sri Gading, semalam.

→ Perolehan tertinggi dalam sejarah jualan nombor pendaftaran kenderaan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

▮ Batu Pahat

Nombor pendaftaran kenderaan baharu bagi Kuala Lumpur bermula huruf 'V' meraih pungutan hasil bidaan berjumlah RM22 juta, tertinggi dalam sejarah bidaan nombor pendaftaran kenderaan negara.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab Aziz Kaprawi, berkata ia juga peningkatan mendadak nilai jumlah bidaan terhadap nombor pendaftaran kenderaan negara yang sebelum ini tidak pernah melebihi

nilai pungutan RM10 juta.

Katanya, kutipan pungutan hasil bidaan nombor pendaftaran kenderaan baharu bagi Putrajaya dengan huruf 'F' pula menduduki tempat kedua pungutan tertinggi dengan nilai RM17 juta.

"Kementerian terkejut dengan minat dan keterujaan ditunjukkan orang ramai terhadap pengenalan nombor pendaftaran kenderaan baharu untuk Kuala Lumpur serta Putrajaya yang berkuat kuasa sejak Jun lalu.

"Ia boleh dianggap fenomena luar biasa apabila seramai 15,000 individu perseorangan dan syarikat membida bagi nombor pendaftaran 'V' berbanding hanya 10,000 nombor plat

Fakta nombor

RM17 JUTA

pungutan hasil bidaan plat nombor 'F'

ditawarkan. Ia adalah jumlah pembida tertinggi yang pernah direkodkan bagi mana-mana nombor plat di negara ini.

Jumlah bidaan meningkat

"Jumlah bidaan juga meningkat berkali ganda dengan nilai bidaan tertinggi untuk nombor plat 'V1' direkodkan dalam sejarah negara iaitu bernilai RM989,780," katanya selepas majlis penutup Kembara Merdeka Parlimen Sri Gading, dekat sini, semalam.

Ab Aziz berkata, jumlah hasil kutipan bidaan bagi dua nombor pendaftaran baharu berkenaan juga menjadi hasil pendapatan tertinggi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sehingga kini.